

15 JANUARI 2018

## Pusat hiburan jadi lokasi menghisap dadah

### Pusat hiburan jadi lokasi menghisap dadah

**KUALA LUMPUR** - Keseronokan sekumpulan pengunjung sebuah pusat hiburan berkhayal selepas mengambil dadah tidak berpanjangan selepas premis berkenaan digempur sepasukan polis di kawasan Bukit Bintang di sini semalam.

*Kosmo!* difahamkan, ketika serbuan kebanyakan pengunjung di premis berkenaan sedang leka menari dan melepaskan gairah menghisap dadah.

Bertindak atas maklumat dan risikan, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur menyerbu premis berkenaan pada pukul 2 pagi sebelum menahan 24 individu termasuk sembilan wanita yang positif dadah.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan pusat hiburan kini dijadikan lokasi melepas gairah oleh pengunjung pusat hiburan.

Katanya, seramai 24 individu di-



ANTARA pengunjung yang ditahan di premis hiburan di Kuala Lumpur semalam.

tahan dan daripada jumlah itu lima wanita merupakan warga China, manakala tangkapan lain adalah rakyat tempatan.

“Hasil ujian air kencing yang dijalankan mendapati semua yang ditahan positif pelbagai jenis dadah. Dalam operasi itu juga, polis turut

merampas serbuk dadah disyaki ketamin seberat 12.56 gram.

“Individu berkenaan dibawa ke IPK Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.